



KENYATAAN MEDIA

Untuk siaran segera

LHDNM LANCAR OPERASI KAMI PRIHATIN

Petaling Jaya, 4 Oktober 2017 – Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (LHDNM) pada hari ini telah melancarkan Operasi Kami Prihatin (OKP) bertempat di Menara Hasil, Petaling Jaya Trade Centre Selangor.

Majlis perasmian OKP ini disempurnakan oleh Datuk Sabin Samitah, Ketua Pegawai Eksekutif LHDNM dan dihadiri oleh pegawai-pegawai kanan LHDNM serta para petugas operasi dari *Hasil Care line*. Objektif OKP ini dianjurkan adalah selaras dengan usaha berterusan LHDNM untuk mendidik dan memberi kesedaran berkenaan percukaian kepada masyarakat terutamanya pembayar cukai baharu yang memerlukan bimbingan dan panduan dalam melaksanakan tanggungjawab percukaian mereka.

Datuk Sabin Samitah dalam ucapannya berkata OKP ini berbeza daripada operasi-operasi lain yang telah dilaksanakan sejak awal tahun 2017, di mana ia akan memanfaatkan kemudahan emel bagi mendekati kumpulan sasaran pembayar cukai baharu. Malah, pendekatan *e-mel blast* yang digunakan dalam program OKP ini adalah

amat bertepatan dengan tuntutan arus perkembangan dunia teknologi maklumat semasa.

Menurut Datuk Sabin lagi, selaras dengan usaha berterusan LHDNM dalam memudahkan pematuhan cukai, usaha ini dianggap sebagai salah satu inisiatif terbaik dalam usaha memberikan kesedaran kepada pembayar cukai tentang pengurusan percukaian. OKP ini juga dilihat sejajar dengan intipati Program Strategi Lautan Biru Kebangsaan (NBOS) yang menekankan prinsip-prinsip berimpak tinggi dengan kos yang rendah serta membolehkan sistem penyampaian perkhidmatan dijalankan dengan cekap dan kos efektif.

Menerusi OKP ini, LHDNM mensasarkan 35,037 pembayar cukai baharu akan menerima pemakluman e-mel berkelompok dari LHDNM yang merangkumi 32,358 pembayar cukai individu dari kategori penggajian manakala baki 2,679 adalah pembayar cukai individu yang mempunyai pendapatan perniagaan.

Operasi penghantaran e-mel makluman secara berkelompok ini akan bermula pada 4 hingga 11 Oktober 2017 dengan sasaran pengeluaran 5,000 kes e-mel setiap hari sepanjang tempoh operasi tersebut. Justeru pembayar cukai yang menerima e-mel berkenaan adalah dinasihatkan untuk menghubungi *Hasil Careline* di talian 1-800-88-5436 atau mana-mana pejabat LHDNM yang berhampiran untuk bantuan khidmat nasihat percukaian.

Turut hadir sama dalam majlis ini ialah Datuk Noor Azian Abdul hamid, Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif (Dasar) LHDNM, Datuk Mohd Nizom Sairi, Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif (Pengurusan) LHDNM, Tuan Haji Abdul Manap Dim, Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif (Pematuhan) LHDNM, Tuan Haji Mahmood Daud, Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif (Operasi Percukaian) LHDNM, Puan Rozina Shaik Osman Merican, Pengarah Jabatan Khidmat Korporat LHDNM dan Encik Hajam Lajah Alam, Pengarah Jabatan Perisikan Dan Profiling LHDNM.

#

SEKIAN, TERIMA KASIH



Dikeluarkan oleh:

**Bahagian Komunikasi | Pejabat Ketua Pegawai Eksekutif
Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia**

☎ : 03-8313 8888 samb. 21658 / 21674 | 📠 : 03-8313 7801

Hasil Care Line : 1-800-88-5436 (LHDN)

Portal Rasmi : www.hasil.gov.my

Tarikh: 4 Oktober 2017

Kenyataan Media LHDNM, 4 Oktober 2017



Gambar 1 : Datuk Sabin Samitah sedang memerhati petugas Hasil Care Line mengemukakan e-mel pemakluman kepada pembayar cukai.



Gambar 2 : Datuk Sabin Samitah sedang menerima taklimat daripada Puan Shimo Raman, Pengarah Hasil Care Line LHDNM.